



*Ruj. Tuan:*

*Ruj. Kami:* (75)dIm.JK/MA 38 Vol.. IV

*Tarikh:* 20 April 1998

Semua Hakim Kanan/Hakim  
Mahkamah Sesyen Semenanjung

Semua Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya

Semua Majistret  
Mahkamah Majistret Semenanjung

Dato'/Tuan/Puan,

**ARAHAN AMALAN NO. 1 TAHUN 1998**  
**Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1997**  
**Bidangkuasa Tambahan kepada Mahkamah Sesyen**

-----

Adalah saya dengan hormatnya diarahkan merujuk kepada perkara di atas dan juga Arahan Amalan No. 4 tahun 1994.

2. Dimaklumkan bahawa dengan pindaan seksyen 65 (1) Akta Mahkamah Rendah 1948 yang berkuatkuasa mulai 24 Jun 1994 Mahkamah Sesyen telah diberi kuasa untuk mendengar semua tuntutan yang berkaitan dengan:

- Ganti rugi yang berbangkit daripada kemalangan kenderaan bermotor
- Kes tuan tanah dan penyewa
- Kes *distress*

yang mana amaun atau nilai hal perkara tanpa had.


3. Sejak dari pindaan seksyen tersebut, masih terdapat lagi kes-kes di dalam kategori di atas yang masih menunggu perbicaraan di Mahkamah Tinggi. Sehubungan dengan itu Y.A.A. Hakim Besar Malaya mengarahkan agar semua kes-kes di dalam kategori di atas yang telah sedia difailkan di Mahkamah Tinggi yang masih belum dibicarakan hendaklah dipindahkan ke Mahkamah Sesyen yang berkaitan.

4. Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi mengendalikan perpindahan kes-kes berkenaan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



( MAT ZARAAI BIN ALIAS )

Pendaftar

Mahkamah Tinggi Malaya

Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur


Y.A.A. Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi  
93506 Kuching

YA Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
93506 Kuching



Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Kuala Lumpur

MZA/fz  
ampmt